

21 DISEMBER 2017

## Hidu gam boleh jadi gila - Pakar

### Hidu gam boleh jadi gila - Pakar

**KUALA LUMPUR 20 Dis.** - Gejala menghidu gam di negara ini semakin berleluasa dan memerlukan perhatian serius semua pihak kerana ia boleh menyebabkan si penghidu menjadi gila jika tidak dibendung sejak awal.

Menurut Presiden Peratuan Pakar-Pakar Perubatan Keluarga Malaysia (FMSA), Dr. Norsiah Ali, gam mengandungi toluene (bahan hidrocarbon meruap) yang boleh merosakkan otak penghidu jika digunakan secara berterusan.

"Toluene merangsang pengeluaran beberapa hormon dalam badan manusia, antaranya hormon dopamin yang memberi keseronokan sementara dan konsep ini serupa dengan kesan pengambilan dadah lain seperti heroin dan syabu.



**NORSIAH ALI**

"Lama kelamaan boleh mendapat kesan seperti gila (psikosis), kurang daya ingatan, berjalan tidak stabil, pandangan kabur dan masalah pendengaran selain mendatangkan kerosakan organ seperti hati, buah pinggang dan sel-sel darah," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Norsiah berkata, faktor mendorong remaja menghidu gam ialah untuk mendapatkan keseronokan dan jalan keluar daripada realiti serta sikap ingin mencuba dalam diri remaja.

"Kesan toksik ialah menyebabkan rasa gembira, halusinasi, pening, sawan dan tidak sedarkan diri.

"Otak remaja akan mengalami fasa kritikal yang mudah terjejas jika didedahkan dengan bahan toksik seperti toluene," katanya.